

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA  
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
TTPM- WP-(P)-178-2020**

**ANTARA**

**CHIN KEE JONG**

**...PIHAK YANG MENUNTUT**

**DAN**

**AGENSI PEKERJAAN SRI NADIN  
SDN. BHD.**

**... PIHAK PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Tuntutan PYM**

Tuntutan PYM adalah untuk dibayar balik kepadanya sejumlah wang yang telah dibayar kepada PN untuk mendapatkan perkhidmatan seorang pembantu rumah.

PYM telah menandatangani perjanjian dengan PN pada 14 Ogos 2017 untuk mendapat perkhidmatan seorang pembantu rumah selama 2 tahun. Menurut Perjanjian tersebut PYM telah membayar RM7,925 ke PN tetapi pembantu Indonesia yang dicadangkan (“PR1”) tidak diterima oleh PYM sebab salah satu laporan kesihatan PR1 menunjukkan bahawa beliau dijangkiti penyakit kuman dalam darah. PYM seterusnya dibekalkan dengan pembantu gantian (“PR2”) pada 11 Disember 2017 dengan bayaran tambahan RM11,950. PR2 telah melarikan diri pada 18 Disember 2017.

Di dalam tuntutannya PYM telah tuntut jumlah RM20,505.

Daripada keterangan dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak-pihak, didapati PYM sebenarnya telah membayar PN berjumlah RM17,925 untuk mendapat perkhidmatan pembantu rumah.

### **Pembelaan PN**

PN dalam Borang 2 telah menyatakan bahawa PR1 telah menjalani beberapa ujian kesihatan dan laporan kesihatan terakhir menunjukkan bahawa PR1 adalah sesuai untuk bekerja. PN telah menyenaraikan pelbagai kos-kos yang dia tanggung termasuk disbursement fee sebanyak RM6,335, yuran perkhidmatan sebanyak RM1,500, cukai kerajaan sebanyak RM90, yuran ke pihak berkuasa di Indonesia sebanyak RM450, levi sebanyak RM180, yuran rekrutmen pekerja sebanyak RM9,300 dan yuran kepada pihak Indonesia yang berjumlah sebanyak RM250. Jumlah RM2,400 merupakan gaji pendahuluan kepada PR2.

Dari jumlah gaji pendahuluan sebanyak RM2,400 yang telah dibayar oleh PYM, PN tolak RM800 sebagai bayaran gaji, kompaun berjumlah RM250 dan komisyen sebanyak RM20. PN sedia membayar balik RM1,330 ke PYM.

### **Alasan Keputusan**

Perjanjian Agency diantara PYM dan PN adalah untuk mendapatkan perkhidmatan seorang pembantu rumah. Daripada keterangan yang

dikemukakan di Tribunal ini, PN telah mencadangkan PR1 tetapi cadangan ditolak oleh PYM atas alasan jangkitan kuman darah. Keterangan PN bahawa PR1 adalah pekerja yang layak dan jangkitan kuman darah tidak menjaskan kelayakan PR1 bekerja. PN telah membekalkan ke Tribunal laporan kesihatan yang menyatakan bahawa PR1 layak bekerja. Alasan PYM bahawa PR1 tidak layak bekerja oleh sebab jangkitan kuman darah tersebut tidak disokong dengan apa-apa laporan dari pakar kesihatan dan merupakan nasihat atau pendapat secara lisan tanpa memeriksa PR1.

Oleh yang demikian, Tribunal berpendapat ini adalah satu kenyataan tanpa dibuktikan oleh PYM dan PYM juga telah gagal untuk membuktikan bahawa penolakan PR1 adalah munasabah.

Tribunal juga dapat bahawa PN telah membekalkan gantian PR2 ke PYM tetapi PYM tidak dapat menjemput PR2 sebab PYM di luar negeri pada masa itu. Ini menyebabkan PYM terpaksa menanggung kos penginapan selama 13 hari.

Tribunal juga dapat bahawa PN telah memenuhi tanggungjawab untuk membekalkan PR1 dan gantian PR2. Kenyataan PYM bahawa "sudah 3 tahun, sayamasih tidak dapat pembantu saya" adalah tidak benar sama sekali.

Dalam perkara PR2 pula, Tribunal dapat bahawa laporan polis yang telah dibuat oleh PYM kurang tepat. Laporan polis menyatakan bahawa PR2 telah melarikan diri dari alamat PYM di Mont Kiara tetapi keadaan sebenarnya ialah PR2 telah dibawake Pulau Pinang tanpa pengetahuan atau izin PN dan PR2 telah melarikan diri di Pulau Pinang. Perkara ini

telah bercanggah dengan Klausu 8.4 Perjanjian Agency bertarikh 14 Ogos 2017. Tribunal memandang berat atas kenyataan dalam laporan polis yang kurang tepat dan perbuatan ini menunjukkan bahawa PYM sedar bahawa pelanggaran syarat perjanjian telah berlaku semasa PR2 dibawa ke Pulau Pinang.

Tribunal juga dapati bahawa PN telah menjalankan tanggungjawab mereka menurut Perjanjian iaitu untuk membekalkan pembantu rumah dan penggantian dalam masa yang dibenarkan. Tribunal juga mendapati bahawa tuntutan PYM untuk dibayar balik kesemua jumlah yang telah dibayar ke PN adalah tidak munasabah sebab PN telah memberi perkhidmatan membekalkan pembantu rumah kepada PYM.

#### **AWARD BORANG 10**

Penentang hendaklah membayar balik kepada Pihak Yang Menuntut RM1,330.00 dalam 14 hari dari tarikh Award.

Bertarikh : 8 September 2020

t.t

**RASHIDAH BINTI ABU BAKAR**

PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA  
MALAYSIA